

IMI gesa beri tumpuan terhadap latihan EEV

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Institut Industri Motor (IMI) United Kingdom (UK) menggesa supaya industri pemotoran di Malaysia memberi lebih tumpuan kepada latihan kenderaan cekap tenaga (EEV) berikutan permintaan tinggi terhadap kenderaan elektrik dan hibrid.

Ketua Pegawai Eksekutif IMI, Steve Nash, berkata, jualan kereta tersebut di UK menunjukkan pertumbuhan dramatik daripada dua peratus jualan keseluruhan pada tahun 2014.

“Kami sudah menjangkakan permintaan tinggi bagi kenderaan ini kerana kereta seperti ini semakin canggih dari semasa ke semasa dengan kesedaran orang ramai mengenai kenderaan tersebut.

“Malaysia mempunyai potensi

kukuh menjadi pusat latihan utama serantau dalam bidang ini bagi memenuhi keperluan pengguna,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Bermaz Motor Sdn. Bhd., Datuk Sri Ben Yeoh dan Pengurus Pelaburan (ROI) IMI, Paul Spear.

IMI menawarkan lebih daripada 250 kelulusan dan akreditasi teknikal dan bukan teknikal melalui 560 rakan latihan di lebih daripada 13 buah negara di seluruh dunia dengan purata 1,500 calon dilatih setiap tahun di organisasi tempatan.

Dalam pada itu, Nash berkata, juruteknik perlu mempunyai kemahiran EEV bagi menjamin keselamatan diri semasa melaksanakan tugas kerana melibatkan voltan berkuasa tinggi.

“Terdapat beberapa pusat IMI yang telah diluluskan di Malaysia bagi melengkapkan kakitangan dengan kemahiran EEV seperti Pusat Teknologi Kepala Batas, Pulau Pinang dan Kolej Komuniti Pekan, Pahang.

“Oleh itu, pekerja yang tidak mempunyai kemahiran EEV tidak layak untuk melakukan kerja-kerja tersebut kerana dikhuatiri akan mengakibatkan kemalangan maut,” ujarinya.

Sementara itu, beliau memberitahu, IMI telah bekerjasama dengan kerajaan Malaysia untuk memberikan sokongan latihan di seluruh rangkaian kolej komuniti dengan penekanan kepada kenderaan elektrik dan hibrid, sejajar dengan matlamat negara untuk menjadi hab EEV serantau.